

12 MAR 2002  
Ketari-Calon  
BN CALONKAN YUM AH HA TANDING DI KETARI

BENTONG, 12 Mac (Bernama) -- Ketua cawangan parti Gerakan, Ketari, Yum Ah Ha hari ini diumumkan sebagai bakal calon Barisan Nasional (BN) untuk pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Pahang kawasan Ketari.

Nama Yum sebagai bakal calon BN itu diumumkan oleh Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob, yang juga Pengarah Pilihan Raya Kecil BN Ketari di bangunan pejabat Umno bahagian Bentong di sini.

Yum, 50, adalah anak jati Ketari daripada dialek Kwangsai, golongan majoriti keturunan Cina di kawasan itu.

Adnan berkata Yum, yang juga seorang peguam, didapati orang yang paling sesuai untuk mewakili BN selepas berbincang dengan Presiden Gerakan Datuk Seri Lim Keng Yaik dan mendapat persetujuan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Yang turut hadir pada majlis pengumuman itu ialah Dr Lim, Naib Presiden Gerakan Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Timbalan Presiden MCA Datuk Lim Ah Lek, anggota Parlimen Bentong Liow Tiong Lai, anggota Parlimen Mentakab Datuk Foo Ah Kiow, Ketua MIC Pahang Datuk R Sinnathamby dan ratusan penyokong BN.

Yum, anak kelima daripada sembilan adik-beradik, dilahirkan pada 17 Nov 1951 di Ketari, Bentong.

Yum mendapat pendidikan awal di Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Ketari di Bentong sehingga darjah enam sebelum menyambung pelajaran menengah di sekolah Menengah Kai Mun, Sekolah Menengah Katholik dan Sekolah Menengah Sulaiman, semuanya di Bentong sehingga tingkatan enam.

Selepas itu, beliau meneruskan pengajiannya di Vanto Academy di Petaling Jaya sebelum menyertai pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sebagai inspektor percubaan pada tahun 1976.

Yum disahkan dalam jawatan Inspektor pada tahun 1980 dan dinaikkan pangkat sehingga Penolong Penguasa Polis (ASP) pada tahun 1990.

Beliau memilih untuk bersara pilihan daripada perkhidmatan polis pada tahun 1993 selepas berjaya mendapat ijazah perundangan daripada University of London (luar campus) pada tahun 1992.

Beliau seterusnya menjadi peguambela dan penguamcara pada tahun 1994 dan membuka firma guaman, Yum, Ng and Stanley pada 1996 dengan pejabat di Kuala Lumpur dan Bentong.

Beliau juga adalah penasihat undang-undang kepada Persatuan Gabungan Kwangsai daerah Bentong, Raub, Kuala Lumpur dan Selangor, dan anggota jawatankuasa persatuan bekas polis negeri Pahang.

Kerusi DUN Ketari kosong berikutan kematian wakil rakyatnya Datuk Loke Koon Kam daripada BN pada 3 Mac lepas.

Sebelum ini DAP telah mengumumkan akan mencalonkan Choong Siew Onn, 34, seorang pegawai eksekutif sebuah syarikat pengeluaran barangan telekomunikasi di Bentong untuk pilihan raya kecil itu.

Choong juga adalah calon DAP pada dua pilihan raya umum yang lepas.

Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) belum menetapkan tarik penamaan calon dan tarikh pengundian bagi pilihan raya kecil itu.

-- BERNAMA

HM MS NMO